



PERBENDAHARAAN MALAYSIA SARAWAK,
TINGKAT 16, BANGUNAN SULTAN
ISKANDAR,
JALAN SIMPANG TIGA,

Telefon : 082-421333 (Pejabat Am)
Fax : 082-424489
E-mail : pms@pmswk.gov.my

Rujukan : PKP(S) 214 Jld. 4 (38)

Tarikh: 8 Julai 2004

Semua Ketua Jabatan Persekutuan,
Sarawak.

Semua Ketua Badan Berkanun Persekutuan,
Sarawak.

Semua Ketua Jabatan Negeri,
Sarawak.
(Yang Mengurus Peruntukan Persekutuan)

Semua Ketua Badan Berkanun Negeri,
Sarawak.
(Yang Mengurus Peruntukan Persekutuan)

Y.Bhg. Dato'/Tuan/Puan,

**SURAT PEKELILING PERBENDAHARAAN MALAYSIA SARAWAK
BILANGAN 2 TAHUN 2004**

***PENGIKLANAN TENDER JABATAN PERSEKUTUAN SARAWAK DI
LAMAN WEB PERBENDAHARAAN MALAYSIA SARAWAK.***

Dengan hormatnya saya menarik perhatian Y.Bhg. Dato'/Tuan/Puan kepada perkara yang tersebut di atas. Sukacita dimaklumkan bahawa Perbendaharaan Malaysia Sarawak bercadang untuk menyiarkan iklan tender bagi Jabatan Persekutuan di Sarawak di dalam laman web jabatan ini. Oleh itu, Jabatan Persekutuan di Sarawak yang terlibat dalam pengendalian urusan tender diminta supaya dapat menghantar salinan iklan tender ke Perbendaharaan Malaysia Sarawak.

2. Salinan iklan tender hendaklah dalam bentuk 'softcopy' dan boleh di email terus kepada Pegawai Sistem Maklumat di alamat berikut:- psm@pmswk.gov.my untuk tindakan lanjut.
3. Sukacita juga jika iklan tender (email) tersebut dapat dihantar pada tarikh yang sama dengan pengiklanan tender di akhbar.
4. Permintaan ini hanya tertakluk kepada Jabatan yang mempunyai kemudahan akses di internet.
5. Perbendaharaan Malaysia Sarawak berharap semua Jabatan dapat memberi kerjasama sepenuhnya dan jika terdapat apa-apa masalah, sila berhubung dengan Perbendaharaan Malaysia Sarawak bagi penjelasan lanjut.

Sekian, terima kasih.

"Sentiasa Mesra, Teliti Dan Cepat"

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

Saya yang menurut perintah,



(KAMARUL ZAMAN BIN MD. ISA)

Pegawai Kewangan Persekutuan
Perbendaharaan Malaysia,
Sarawak.